



**PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ**  
**TARIKH: 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

**LAIN-LAIN PBT**

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBDK MPAJ	<ul style="list-style-type: none"><li>• HIGH TIDE EXPECTED OVER NEXT TWO DAYS IN KLANG</li><li>• MPAJ SAVES 100 TONNES OF FOODS WASTE FROM LANDFILLS</li></ul>

**UMUM**

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	<ul style="list-style-type: none"><li>• S'GOR KEEN TO TAKE 'REWANG' PROGRAMME FARTHER AFIELD</li><li>• CALL FOR LONGER YOUTH ASSEMBLY SESSIONS TURNED DOWN</li></ul>
2.	SINAR HARIAN	<ul style="list-style-type: none"><li>• PENGASUH PELAKU KES DERA TERTINGGI DI SELANGOR</li><li>• PETROL UERO 5 AKAN MULA DIGUNA SEPTEMBER 2025</li><li>• BELUM ADA RUNDINGAN PEMBELIAN RON95</li><li>• MYKAD, E-DOMPET SEBAGAI SALURAN SUBSIDI RON95, APA KATA MEREKA?</li></ul>
3.	KOSMO	<ul style="list-style-type: none"><li>• MANGSA PERINGKAT BAYI HINGGA UMUR 18 TAHUN PENGASUH PALING TINGGI DERA DI SELANGOR</li></ul>
4.	BERITA HARIAN	<ul style="list-style-type: none"><li>• EMPAT CABARAN KHIDMAT AWAM TINGKAT KECEKAPAN</li><li>• PENGURUSAN SUMBER MANUSIA TERAS UPAYA ORGANISASI</li><li>• SUBPERMUKAAN LEMBAH KLANG DITAMBAH BAIK ELAK TANAH JERLUS</li><li>• PEMBERI MAKLUMAT PERLU LALUI PENILAIAN SPRM</li></ul>
5.	UTUSAN MALAYSIA	<ul style="list-style-type: none"><li>• SHAH ALAM, KLANG SEKALI LAGI DILANDA BANJIR KILAT</li><li>• KERAJAAN AKUI KOS BINA RUMAH MAMPU MILIK NAIK</li><li>• PENGASUH PELAKU JENAYAH TERTINGGI KES DERA DI SELANGOR</li><li>• KERAJAAN TUMPU GUNA AI KESAN, TINDAK BALAS SERANGAN SIBER</li><li>• HARGA RUMAH TERES DIJANGKA NAIK HINGGA 5 PERATUS MENJELANG 2025</li><li>• RINGGIT TERENDAH DALAM TEMPOH TIGA BULAN</li></ul>
6.	NEW STRAITS TIMES	<ul style="list-style-type: none"><li>• WHISTLEBLOWERS MUST REPORT TO MACC</li></ul>
7.	THE SUN	<ul style="list-style-type: none"><li>• MOVE TO PROMOTE PROPER LANGUAGE USE AMONG PUBLIC</li></ul>

# High tide expected over next two days in Klang

By EDWARD RAJENDRA  
edward@thestar.com.my

COASTAL areas in Selangor are on alert as high tides are expected tomorrow and Saturday.

Tides of up to 5.5m are expected at 5.07am on Friday and 5.5m at 5.50am on Saturday, with a possibility of flash floods if it coincides with heavy rains during that time.

National Hydrographic Centre in Port Klang said the high tide phenomenon was forecast for early mornings during the two days.

Port Klang Fire and Rescue station operations chief Mohd Fauzi Ramli said flooding could occur if the high tide coincided with continuous rain.

"We advise those living near rivers and coastal areas to be

vigilant, especially if it rains continuously," he said.

"The hydrographic centre forecasted that the high tide should not breach the bunds. If water goes over, it may just flow into scupper drains," he said.

Areas in Klang particularly vulnerable to the high-tide phenomenon are Kampung Delek, Sungai Udang, Pengkalan Tok Muda, 4th Mile of Jalan Kapar, Bund Sementa, Port Klang, Jalan Pandamaran Banting and Taman Selat Damai in Pendamar, Port Klang.

Mohd Fauzi reminded residents in high-risk areas to follow authorities' instructions in the event of flash floods.

"People should avoid boating activities and fishing trips along the coastline," he said.

He added that firemen were on high alert and were prepared to handle any disaster.

Klang Royal City Council (MBDK) enforcement chief Andry Arman Masrom said its Swift Action Task Force (Pantas) would be watching out for bund breaches and heavy flow in rivers and canals at areas which had previously faced high tides.

MBDK closed-circuit television camera (CCTV) unit, which monitors traffic, will also be on the look out for flash floods.

He said the city council would liaise with the Fire and Rescue Services Department as well as the Civil Defence Force to activate rescue missions.

Andry encouraged residents to prepare themselves by keeping documents and essential items in an emergency bag.



Port Klang Fire and Rescue Station personnel checking the life jackets and inflatable amphibious boat which are to be used in the event of floods. — Filepic

THE STAR

14 NOV 2024

Tarikh:.....

By SHALINI RAVINDRAN  
shaliniravindran@thestar.com.my

OVER 100 tonnes of food waste have been diverted from landfills since an anaerobic digester (AD) plant was launched in Ampang Jaya, Selangor, more than two years ago.

This has saved Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) more than RM3,000 in waste management costs, between 2023 and August 2024.

The MPAJ AD plant at Jalan Kolam Ayer Lama processes food waste into liquid fertiliser and biogas to prevent excessive food waste ending up at landfills.

Following its success, the local council said it planned to expand the food waste collection points in the near future.

"Since the MPAJ AD plant started operations in July 2022, it has produced 89,520 litre liquid fertiliser and 31,400 cubic metres of biogas.

"The fertiliser, produced from food waste, is sold to the public and also given out for free to community gardens and schools," MPAJ told *StarMetro*.

It added that some 150kg to 200kg of food waste were collected every day from restaurants, food courts and schools within the municipality.

Food waste is collected from Hospital KPJ, Ampang Puteri, Medan Selera Bunga Tanjung, Laman Selera MPAJ @ Ampang Jaya, Kompleks Muhibbah, Taman Nirwana, Restoran Nasi

# MPAJ saves 100 tonnes of food waste from landfills

## Local council to add 10 pick-up locations following success of its anaerobic digester plant



MPAJ's anaerobic digester plant at Jalan Kolam Ayer Lama processes food waste into liquid fertiliser and biogas. — Filepic

Kandar Pelita, Ampang Point, Restoran Awwal Maju, Ampang Point, SK Ampang, SMK Dato' Ahmad Razali, Medan Selera Angsana Hilir and DPO

International Sdn Bhd Melawati (food processing company).

From the current 10 locations, MPAJ said it would be expanding the collection service to

another 10 food courts.

These will include Medan Selera Taman Melawati, Medan Selera Taman Desa Keramat, Bazar Jalan Jelatek, Medan

Selera Bunga Tanjung and Medan Selera Pandan Indah.

The facility, officially launched in January 2023, is the first integrated AD plant using the Internet of Things (IoT) system in the country.

The AD plant was built concurrently with the nearby Laman Selera MPAJ @ Ampang Jaya at a cost of RM4.6mil with allocations from Housing and Local Government Ministry.

The plan for the building of the AD facility was not without controversy as it was criticised by residents and stakeholders regarding the suitability of the location.

The AD is now located in front of the 60-year-old Ampang/Ulu Kelang Hindu Cemetery.

In 2019, the AD project was proposed to be built at Jalan Mamanda 27, Ampang Jaya, but the location was changed following residents' protest.

At the time, MPAJ defended the particular site as suitable for the plant because it was located near the Ampang Point commercial area where plenty of food waste was generated.

THE STAR

14 NOV 2024

Tarikh:.....



A participant clad in sarong as part of activities at the PPR Kota Damansara Rewang Komuniti Strata programme. — Photos: CHAN TAK KONG/The Star



Mohd Sidi (right) says community programmes strengthen relationships among urban residents.

By **JADE CHAN**  
jade@thestar.com.my

SELANGOR'S housing standing committee is looking at expanding its "Rewang Komuniti Strata" programme to every one of the state's 12 local authorities next year.

"We started the initiative this year to foster the *gotong-royong* spirit among strata property residents in Selangor's urban areas," said state housing and culture committee chairman Datuk Borhan Aman Shah.

"We held five such programmes this year.

"The feedback has been good, so we hope to expand the number of locations to one under each of Selangor's 12 local authorities next year, subject to budget allocation.

"The idea is to foster interaction and teamwork as well as encourage mutual cooperation and the *gotong-royong* tradition, which is less common among city folk," Borhan noted.

About RM500,000 was allocated under Selangor's 2024 Budget for the programme to be held in Pandan Indah, Batu Caves, Shah Alam, Semenyih and Kota Damansara.

The Javanese term "rewang" refers to a community-based collaborative activity that usually sees neighbours and relatives working together to prepare for large-scale functions.

"A highlight sees the residents working together to cook a feast for their community, with the menu decided among themselves," said Borhan.

"A *ziarah kasih* (caring visit) is organised to check on elderly, disabled or vulnerable residents to assess if they need welfare aid or health check-ups.

# S'gor keen to take 'rewang' programme farther afield

## Plan to involve all 12 local authorities in next year's slate of strata community events



Residents volunteering their time to cook dinner for 3,000 people.

"Meanwhile, children will be kept occupied with activities such as colouring and community sports," he said after launching the "Rewang Komuniti Strata" programme at Kota Damansara People's Housing Project (PPR) in Petaling Jaya.

The event included a mobile

library, mobile dental and health clinic, sarong fun walk, multicultural performances and futsal competition.

At the same event, Borhan announced that RM1.66mil would be allocated by Selangor government and Housing and Local Government Ministry for

water tank replacement and strata maintenance works at PPR Kota Damansara.

With almost 4,000 multiracial people living in the 1,152 units, he urged residents to adopt a mature attitude in dealing with people of different races, beliefs and cultures.

Block A resident Mohd Sidi Abd Wahab, 52, said the "Rewang Komuniti Strata" programme was similar to the flats' Hari Raya Aidiladha celebration, which was a smaller event with less cooking.

"Today we are cooking on a much bigger scale and started our dinner preparations in the morning.

"We will be cooking meat from two cows, six goats and 300 chickens for about 3,000 people, including those residing in neighbouring areas.

"We divided the team of over 80 people based on ingredients they would have to prepare, including vegetables," said Mohd Sidi, who was tasked with coordinating the cooking session.

He observed that such programmes strengthened relationships among residents and allowed them to get to know their neighbours, which had also resulted in a cleaner flats compound.

"We are fortunate that all lifts here are in working order.

"The most prominent problem is lack of parking space.

"PPR Kota Damansara is an old development, so there are insufficient parking bays to cater to everyone.

"We end up parking by the roadside and sometimes get fined by enforcement officers for doing so," said Mohd Sidi.

THE STAR

14 NOV 2024

Tarikh:.....

By FARID WAHAB  
faridwahab@thestar.com.my

## Call for longer youth assembly sessions turned down

A PROPOSAL to extend the Federal Territories Youth Assembly (SBWP) for another year was turned down at the conclusion of the 2024 session.

Introduced this year, the assembly comprised 65 youths aged between 18 and 35 who discussed policy proposals affecting Kuala Lumpur, Putrajaya and Labuan.

The assembly met twice this year in Kuala Lumpur – from July 12 to 15 and Nov 8 to 11 – with most discussions centred around infrastructure developments, education and economic matters.

Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Dr Zaliha Mustafa, who is also SBWP patron, said the decision against the extension was to give more youths a chance to take part in the programme.

"If it were up to me, I would have liked to follow the Dewan Rakyat model, which convenes quarterly.

"However, we also want to ensure more people get the chance to give their input," she said at the final SBWP session.

At the assembly, participants were divided into 13 parliamen-

tary constituencies in the Federal Territories, with each area having between three and 12 representatives.

Bukit Bintang representative Zuree Affendie Dzuraimi, 30, who proposed the extension, said this was to emulate similar sessions in other states.

He said each assembly in Pahang and Negri Sembilan lasted for two and three years, respectively.

Muhammad Yassir Arafat Kassim, 30, who represented Bandar Tun Razak, suggested for an alumni association to be formed, to serve as a mentor-

ship platform for upcoming representatives.

Dr Zaliha, in response, agreed to implement the proposal, noting it would ensure continuous involvement of the current batch of youths.

Separately, Sim Ken Men, 19, who represented Cheras, hoped more Chinese youths would apply for the programme for the sake of diversity.

Sim, who found out about the programme via the MCA Youth chat group, said many youths could be unaware of the application process.

"The SBWP is a good platform

to offer our views while improving our command of the national language," he said.

The final session was chaired by Sungai Petani MP Dr Mohammed Taufiq Johari, who also served as Speaker.

The SBWP was jointly organised by the Federal Territories Department with Kuala Lumpur City Hall, Putrajaya Corporation and Labuan Corporation.

Applicants were screened to ensure they had no records of criminal activities or bankruptcy.

THE STAR

Tarikh: 14 NOV 2024

# Pengasuh pelaku kes dera tertinggi di Selangor

Punca utama disebabkan kecuaiian dan kurang kesedaran

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI SHAH ALAM



Hussein (kiri) ketika merasmikan CIC D11 JSJ di IPK Selangor pada Rabu.

**P**engasuh merekodkan jumlah tertinggi pelaku jenayah kes penderaan membabitkan kanak-kanak antara Januari sehingga Oktober tahun ini.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, pihaknya menerima 387 kes penderaan melibatkan mangsa terdiri daripada 139 kanak-kanak bawah satu tahun, 96 mangsa berusia dua hingga lima tahun dan 152 mangsa berusia sehingga 18 tahun.

Beliau berkata, September merekodkan 56 kes penderaan, sekali gus melibatkan mangsa tertinggi bawah 16 tahun, diikuti Ogos 43 kes dilaporkan, Julai (42), Februari (40), Januari (37), Mei (35), Jun (33) dan April (22).

"Daripada jumlah ini, pengasuh menjadi pelaku tertinggi penderaan iaitu 89 kes, diikuti ibu bapa kandung dan guru masing-masing 78 kes serta ibu bapa tiri 69 kes.

"Statistik turut merekodkan pelaku kes

penderaan melibatkan murid iaitu 56 kes serta jiran iaitu 17 kes," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Pusat Temu Duga Kanak-Kanak (CIC) D11 Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor pada Rabu.

Katanya, hasil siasatan mendapati kebanyakan punca berlaku penderaan terhadap kanak-kanak adalah kecuaiian.

"Kecuaiian merekodkan punca tertinggi kepada penderaan kanak-kanak selain kurang kesedaran.

"Selain itu, faktor sikap melibatkan golongan pengasuh, penjaga dan ibu bapa itu sendiri yang cuai dan leka misalnya meninggalkan bayi atau kanak-kanak bersendirian sehingga memberikan risiko kepada mangsa," katanya.

Menurutnya, kes melibatkan penderaan kanak-kanak merekodkan sedikit pe-

ningkatan berbanding tahun sebelumnya. "Bagaimanapun, hasil penelitian dijalankan mendapati jumlah kes penderaan ini tidak ketara dan tidak mengalami kenaikan terlalu tinggi.

"Peningkatan berlaku susulan pertambahan jumlah penduduk selain negeri ini mempunyai jumlah penduduk paling ramai berbanding negeri lain," katanya.

Dalam pada itu, Hussein menjelaskan, penubuhan CIC mengambil kira peningkatan jumlah kes melibatkan 875 kanak-kanak yang sudah ditemu duga tahun ini melibatkan pelbagai kes antaranya penderaan, pengabaian dan seksual.

"Bangunan ini menempatkan ruangan serta pelbagai kemudahan serba lengkap antaranya bilik khas temu duga serta rakaman bagi proses siasatan, menyediakan keadaan yang kondusif kepada ibu bapa selain menempatkan ruang menunggu yang selesa," katanya.



## SH 1/11 Petrol Euro 5 akan mula diguna September 2025



**Nik Nazmi (tengah) hadir di Majlis Perasmian Operasi Gerak Kenderaan Bermotor Peringkat Kebangsaan di Lebuhraya Shah Alam pada Rabu.**

**SHAH ALAM** - Malaysia akan mula melaksanakan penggunaan petrol Euro 5 pada September 2025 dan dijangka mencapai spesifikasi penuh pada 2027 sebagai langkah penyelesaian jangka panjang dalam menjaga kualiti udara negara.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, pelaksanaan itu juga adalah selaras dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Bahan Api Petrol dan Diesel) 2007.

"Justeru, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan bekerjasama rapat dengan industri untuk memastikan peralihan ini berjalan lancar," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Operasi Gerak Kenderaan Bermotor Peringkat Kebangsaan sempena Hari Ozon Sedunia di Lebuhraya Shah Alam, di sini pada Rabu.

Hadir sama, Ketua Pengarah Alam Sekitar, Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar.

Operasi secara bersepadu itu melibatkan empat agensi penguat kuasa iaitu JAS, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) serta sokongan kakitangan Amanah Lebuhraya - Lebuhraya Shah Alam (KESAS).

Tambah Nik Nazmi, penggunaan Euro 5 juga akan mendorong industri automotif Malaysia untuk meningkatkan teknologi kenderaan termasuk bagi kenderaan komersial dan industri berat.

Jelasnya, kenderaan dengan teknologi pelepasan Euro 5 akan beroperasi dengan lebih efisien dan menghasilkan pelepasan asap yang lebih bersih, sekali gus dapat memberikan kesan positif terhadap kualiti udara di negara ini.

"Sebelum ini, negara telah mengambil langkah proaktif menangani isu pencemaran udara dengan memperkenalkan bahan api diesel Euro 5 sejak April 2021 dan seterusnya telah mencapai spesifikasi penuh pada April 2023.

"Diesel Euro 5 ini memenuhi piawaian ketat, termasuk pengurangan kandungan sulfur dan bahan pencemar lain," ujarnya.

SINAR HARIAN

Tarikh: .....14.NOV.2024.....

# Belum ada rundingan pembelian RON95

8H  
14/11

Bumipeda gesa kerajaan bincang pelaksanaan mekanisme subsidi dicadangkan

Oleh DIANA AZIS  
SHAH ALAM

Tada sebarang sesi libat urus atau rundingan setakat ini antara kerajaan dan Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Bumiputera Malaysia (Bumipeda) atau wakil pengusaha stesen minyak berhubung pelaksanaan mekanisme penggunaan MyKad dan e-dompot bagi pembelian RON95.

Setiausaha Bumipeda, Hanny Julia Haron berkata, kerajaan sepatutnya mengadakan perbincangan bersama ekoran pihaknya adalah pemegang taruh utama yang akan berhadapan langsung dengan rakyat dalam pelaksanaan dicadangkan.

"Kami juga bimbang isu kos operasi dan risiko modal yang akan ditanggung pengusaha stesen minyak terutama jika mekanisme subsidi bersasar dua harga dilaksanakan mirip penyasaran subsidi diesel.

"Kaedah ini boleh membawa kepada tekanan kewangan yang serius, khususnya bagi pengusaha

luar bandar yang mengalami kerugian bersih setiap bulan sejak penyasaran subsidi diesel dilaksanakan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Rabu.

Sebelum ini Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dilaporkan memaklumkan, Kementerian Kewangan (MoF) sedang meneliti mekanisme penggunaan MyKad dan e-dompot dalam melaksanakan penyasaran subsidi minyak RON95.

Ketika menggulung perbincangan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2025 di Dewan Rakyat pada Selasa, beliau berkata, penyasaran subsidi berkenaan akan dilaksanakan dengan prinsip yang sama seperti penyasaran subsidi elektrik dan diesel, iaitu melibatkan harga berperingkat atau *tiered pricing*.

Dalam pada itu, Hanny Julia mendedahkan, lebih 30 peratus pengusaha diesel ketika ini berhadapan isu kewangan yang lemah akibat kenaikan kos operasi selain wujud kebimbangan masalah serupa akan timbul sekiranya mekanisme sama diperluaskan kepada pembelian RON95.

Menurutnya, pelaksanaan tersebut membebaskan pengusaha stesen minyak luar bandar yang masih berdepan dengan kekangan infrastruktur selain merumitkan operasi harian.

Selain itu, beliau turut mempersoalkan harga yang akan dikenakan



HANNY JULIA

kepada pengusaha untuk pembelian bahan api daripada syarikat minyak.

"Adakah bekalan akan dijual pada harga bersubsidi atau harga tanpa subsidi selepas ditolak margin pengusaha.

"Bumipeda juga ingin mengetahui tempoh masa yang diperlukan oleh kerajaan untuk membayar balik jumlah subsidi kepada pengusaha kerana kelewatan pembayaran akan menambah beban modal pengusaha," ujarnya.

Beliau turut berpandangan, pelaksanaan sistem harga dua lapis tidak dapat menyelesaikan isu inflasi dan ketirisan secara menyeluruh.

Malah Hanny Julia menjelaskan, pendekatan tersebut adalah bertentangan dengan *Law of One Price* selain berpotensi mewujudkan arbitrase harga atau aktiviti pembelian spekulatif.

"Jika harga bagi sistem dua lapis ini ditetapkan secara artifisial dalam persekitaran kawalan harga, harga tidak akan mencapai keseimbangan terutama apabila pembeli mengambil kesempatan.

"Pengguna yang mendapat akses kepada harga subsidi boleh menjual semula minyak pada harga yang lebih tinggi sekali gus tidak hanya meningkatkan ketirisan, tetapi berpotensi mengakibatkan ketidakseimbangan pasaran dan tekanan tambahan pada inflasi," katanya.

SINAR HARIAN

Tarikh: ..... 14 NOV. 2024.....



81 14/11

# MyKad, e-dompot sebagai saluran subsidi RON95, apa kata mereka?



**K**ementerian Kewangan (MoF) dilaporkan sedang meneliti mekanisme penggunaan MyKad dan e-dompot, berkemungkinan diguna pakai bagi penyaluran subsidi petrol RON95 dengan anggaran sekitar RM12 bilion untuk 85 peratus rakyat di negara ini.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, mekanisme pelaksanaan penyasaran semula subsidi

minyak menggunakan kaedah tersebut sedang diperincikan dan dalam proses untuk dimuktamadkan sebelum bermula pada pertengahan 2025.

Katanya, penyasaran subsidi RON95 akan dilaksanakan dengan prinsip yang sama seperti subsidi elektrik dan diesel iaitu melibatkan harga berperingkat atau *tiered pricing*.

Difahami, tujuan utama pelaksanaan bukan untuk membebaskan rakyat,

sebaliknya ingin mengekang ketirisan dan penyeludupan subsidi yang selama ini dimanfaatkan oleh warga asing dan sektor perniagaan.

Bagaimanapun, timbul pelbagai reaksi orang awam kerana segelintir daripada mereka bersetuju, malah ada juga sebaliknya. Masing-masing mempunyai pandangan tersendiri berhubung cadangan penggunaan MyKad atau e-dompot dalam konteks penyasaran subsidi petrol.

SINAR HARIAN

Tarikh: .....14 NOV. 2024.....

Mangsa peringkat bayi hingga umur 18 tahun

# Pengasuh paling tinggi dera di Selangor

Kosmo  
14/11

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**SHAH ALAM** - Pengasuh dan penjaga menjadi pelaku jenayah tertinggi kes penderaan kanak-kanak di Selangor dalam tempoh 10 bulan pertama tahun ini.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, statistik terbaharu pihaknya merekodkan sebanyak 387 kes rata-ratanya melibatkan mangsa berusia bawah 16 tahun.

Tegasnya, kesemua mangsa itu terdiri daripada 139 kanak-kanak berusia 0 hingga satu tahun, dua hingga lima tahun (96) dan baki berusia sehingga 18 tahun.

"Daripada jumlah itu, seramai 89 suspek melibatkan pengasuh atau penjaga selain golongan ibu bapa, guru, jiran dan murid.

"Pemerhatian mendapati punca kanak-kanak menjadi mangsa penderaan kerana kecuakan dan pengabaian oleh pengasuh sehingga menyebabkan kecederaan," katanya selepas merasmikan Pusat Temuduga Kanak-Kanak (CIC) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Selangor di Balai Polis Seksyen 11 di sini semalam.

Menurut Hussein, faktor sikap ibu bapa sama ada kandung atau tiri turut menjadi punca berlakunya kes penderaan itu.

Justeru, katanya, golongan itu perlu mempunyai kesedaran tinggi bagi mengelak berlakunya pengabaian penjagaan anak-anak mereka.



**HUSSEIN (kanan)** ketika memotong reben simbolik perasmian CIC di Balai Polis Seksyen 11, Shah Alam semalam.

"Mereka seharusnya mengetahui faktor yang berisiko kepada kanak-kanak sekiranya didedahkan dalam keadaan bahaya," ujarnya.

Tambah beliau, statistik pihaknya mendapati kes penderaan kanak-kanak di negeri merekodkan sedikit peningkatan berbanding tahun sebelumnya.

"Namun, kenaikan itu didapati

tidak begitu ketara dan tidak terlalu tinggi dengan antaranya kerana faktor kepadatan jumlah penduduk yang ramai di Selangor berbanding negeri lain," katanya.

Dalam pada itu, Hussein berkata, CIC kedua yang beroperasi sejak Mac lalu bertujuan memuduga kanak-kanak yang terlibat dalam kes seperti penderaan, pengabaian dan seksual.

KOSMO

14 NOV 2024

Tarikh: .....

# Empat cabaran khidmat awam tingkat kecekapan

11/11/24

**Hazhar Muhamad Hanip**,  
Ketua Penolong  
Pengaruh Kanan  
Program Penilaian  
Kepimpinan Primer,  
Institut Tadbiran Awam  
Negara (INTAN)

Perkhidmatan awam masa kini berdepan empat cabaran utama dalam merealisasikan agenda nasional. Pertama, cabaran dalam pengurusan sumber manusia merangkumi peningkatan kompetensi dan pengkalan bakat terbaik dalam organisasi.

Kedua, cabaran pertindihan fungsi dan sistem antara kementerian, jabatan serta agensi. Ketiga, cabaran dalam aspek integriti dengan isu penyalahgunaan kuasa dan rasuah terus mencalarakan imej perkhidmatan awam.

Cabaran keempat ialah bebanan kewangan kepada kerajaan, terutama berkaitan isu pencen penjawat awam dan sistem saraan kurang progresif.

Dalam usaha memperkukuhkan perkhidmatan awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melaksanakan pelbagai reformasi penting. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, menekankan pentingnya memperbaharui dasar dan pekiling lapuk tidak lagi relevan dengan situasi semasa.

Usaha ini sebahagian komitmen JPA mening-

katkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan awam agar selaras keperluan rakyat dan aspirasi H.E.M.A.T.

Kerajaan komited dalam melaksanakan reformasi ini membabitkan peningkatan kompetensi modal insan melalui pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA), rasionalisasi saiz sektor awam dan pendigitalan perkhidmatan menggunakan kecerdasan buatan dalam sistem pengurusan sumber manusia (HRMIS).

## **Amal tatakelola telus, cekap**

Wan Ahmad Dahlan menekankan H.E.M.A.T. diperkenalkan untuk menyokong aspirasi Malaysia MADANI, mengandungi lima nilai utama, iaitu hijrah tatakelola, empati rakyat, minda pekin, apresiasi inovasi dan telus tadbiran.

Ia mengarahkan penjawat awam sentiasa berani melakukan perubahan, mendengar dan memahami keperluan rakyat serta mengamalkan tatakelola telus dan cekap.

Pada 29 Ogos lalu, KPPA melancarkan Buku H.E.M.A.T: Menjunjung Aspirasi, Memacu Prestasi dengan berpandangan realistik bahawa penjawat awam mampu menghayati komitmen kepemimpinan tertinggi kerajaan dalam konteks

taat setia.

Ia turut ditegaskan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, yang mengingatkan tanggungjawab besar yang penjawat awam pikul untuk memartabatkan kualiti perkhidmatan awam.

Bagi mengupas dengan lebih lanjut kepentingan penerapan nilai H.E.M.A.T. dalam menyempatkan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) menganjurkan Dialog Eksekutif H.E.M.A.T. dengan menampilkan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Isham Ishak; Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman dan Presiden CUEPACS, Datuk Dr Adnan Mat, baru-baru ini.

Dialog eksekutif ini juga akan membincangkan aspek pembudayaan nilai H.E.M.A.T. dalam usaha menyampaikan perkhidmatan bermutu, selaras konsep Malaysia MADANI.

Selain itu, dialog itu menyoroti cara nilai H.E.M.A.T. dapat diaplikasi dan dibudayakan dalam organisasi masing-masing demi memastikan perkhidmatan telus, efisien dan berorientasikan rakyat.

BERITA HARIAN  
14 NOV 2024  
Tarikh.....

# Pengurusan sumber manusia teras upaya organisasi



Oleh Dr Siti Noormi Alias  
bhrencana@bh.com.my

Sumber manusia adalah aset bagi sesebuah organisasi, sama ada swasta mahupun kerajaan. Di mana wujudnya 'manusia', maka di situlah ada keperluan ilmu mengurus dan membangunkan sumber manusia.

Justeru, dalam apa juga konteks organisasi, ilmu pengurusan dan pembangunan sumber manusia perlu dikuasai semua ahlinya, bukan hanya terhad kepada pengamal bidang.

Sesebuah organisasi boleh terbentuk dengan hanya adanya sekurang-kurangnya dua individu mempunyai matlamat sama untuk dicapai. Ia tidak memerlukan bangunan dan teknologi canggih untuk dibentuk.

Namun, semua komponen di atas akan wujud secara automatik, tidak kira apa jenis organisasi termasuk sekolah, hospital dan syarikat swasta. Sebagai contoh, guru di sekolah saling berinteraksi bagi mencapai matlamat sekolah.

Pentadbir sekolah seperti pengetua perlu memainkan peranan seperti mengamalkan sistem penilaian prestasi adil dan komunikasi membina bagi meningkatkan tahap kepuasan kerja guru. Di sekolah, pelajar adalah 'pelanggan' maka guru perlu mengambil kira keperluan pelajar dalam memastikan keberkesanan proses pengajaran.

Pada asasnya, bidang sumber manusia memfokus kepada empat amalan utama iaitu latihan dan

pembangunan, pembangunan organisasi, pembangunan kerjaya dan pembangunan masyarakat. Kesemua amalan ini adalah syarat bagi sesebuah organisasi untuk terus kekal beroperasi dengan efektif.

## Rancang, kendal fungsi sumber manusia

Syarikat swasta pada kebiasaannya mempunyai jabatan sumber manusia khusus berperanan merancang dan mengendalikan kesemua fungsi bidang pembangunan sumber manusia bermula daripada hari pertama seseorang pekerja bekerja sehingga hari terakhir pekerja berkenaan bekerja di organisasi berkenaan.

Bilangan pegawai sumber manusia dirancang me-

ngikut keperluan khusus pekerja di dalam syarikat. Disebabkan itu, fungsi pengamal pembangunan sumber manusia sangat jelas di dalam sektor swasta.

Namun, bagi sektor perkhidmatan awam berskala besar dan menawarkan perkhidmatan perlu dan kritikal serta berasaskan profesion khusus seperti perguruan dan kesihatan, secara umumnya ia di bawah teraju Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Dalam konteks perkhidmatan awam, pegawai di JPA berperanan sebagai pengamal pembangunan sumber manusia. Bagi memudahkan pelaksanaan dasar peraturan penjawat awam dan disesuaikan dengan konteks profesion, setiap kementerian seterusnya menubuhkan jabatan atau bahagian sumber manusia masing-masing.

Pada peringkat ini, masih terdapat pembahagian tugas ketara di antara pengamal sumber manusia dengan pengamal profesion. Namun, kerjasama erat antara pengamal sumber manusia dengan pengamal profesion akan meningkatkan keberkesanan perkhidmatan diberikan.

Namun, di peringkat organisasi, asas perkhidmatan seperti sekolah dan hospital, fungsi pembangunan sumber manusia bukan lagi dilaksanakan pengamal sumber manusia, namun dilaksanakan pegawai dalam profesion berkenaan.

Secara kesimpulannya, bidang pembangunan sumber manusia bukan hanya diperlukan pengamal bidang, malah turut penting bagi mereka memegang jawatan pengurusan di mana-mana organisasi.

“ Dalam apa juga konteks organisasi, ilmu pengurusan dan pembangunan sumber manusia perlu dikuasai semua ahlinya, bukan hanya terhad kepada pengamal bidang ”

BERITA HARIAN  
Tarikh.....1.4.NOV.2024.....

# Subpermukaan Lembah Klang ditambah baik elak tanah jerlus

**Kuala Lumpur:** Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) sedang menambah baik dan melengkapkan maklumat subpermukaan kawasan Lembah Klang bagi mengelak insiden tanah jerlus seperti yang berlaku di Masjid India, Ogos lalu.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata ia membabitkan 10 pihak berkuasa tempatan (PBT) melalui Projek Pemetaan Geologi Subpermukaan Greater KL (3DKL).

"Projek ini berupaya menyediakan data dan maklumat geologi subpermukaan untuk pengurusan risiko bencana geologi termasuk kejadian mendapan tanah dan tanah jerlus.

"Data ini juga akan digunakan untuk perancangan pelan pembangunan khususnya di kawasan bawah tanah (stratum)," katanya melalui jawapan lisan yang disiarkan di laman web Parlimen.

Beliau menjawab Ahmad Amzad Mohamed @ Hashim (PN-Kuala Terengganu) yang bertanya tindakan susulan JMG susulan insiden tanah jerlus di Jalan Masjid India, selain status laporan teknikal hasil siasatan

berkaitan geologi dan struktur bawah permukaan dengan kerjasama Pasukan Petugas Khas Struktur Tanah Masjid India.

Nik Nazmi berkata, susulan tanah jerlus di Jalan Masjid India, aktiviti pembangunan dan pembinaan yang membabitkan kerja seperti pengepaman air bawah tanah, penggerudian, penerowongan dan perlombongan juga perlu dikawal bagi mengelak gangguan kepada regim air bawah tanah dan gegaran pada tanah.

"JMG menyediakan Laporan Teknikal Sektorial berhubung insiden terbabit. Laporan ini memberi fokus kepada analisis data, hasil aktiviti pemetaan subpermukaan melalui survei geofizik menggunakan peralatan Ground Penetrating Radar (GPR) dan mengenal pasti tiada rongga batu kapur di zon yang mengalami deformasi struktur tanah.

"DBKL mengguna pakai hasil laporan ini bagi menjalankan siasatan tapak secara terperinci melalui kaedah lubang gerudi dan Ujian Proba Mackintosh (ujian penentuan keupayaan tanah) bagi memperoleh profil subpermukaan terperinci, memastikan integriti struktur tanah dan mempertimbangkan tindakan mitigasi yang sesuai," katanya.

## Pemberi maklumat perlu lalui penilaian SPRM

**Kuala Lumpur:** Individu yang mahu memberi maklumat berkenaan kes rasuah perlu melalui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk prosedur penilaian terlebih dahulu sebelum berhak mendapat perlindungan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata ini kerana terdapat akta khas pemberi maklumat iaitu Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

Katanya, menerusi akta berkenaan, jika sesiapa berasakan berlaku satu kesalahan, perlu maklumkan pada agensi yang bertanggungjawab.

"Jika kes rasuah dia kena bagi maklumat pada SPRM dahulu kemudian agensi itu akan terima laporan, kemudian akan buat siasatan dan keputusan sama dia ini dilihat sebagai 'qualify whistleblowers' (pemberi maklumat layak) atau tidak.

"Itu prosedurnya. Kita tidak boleh apabila tahu maklumat kita tidak buat laporan pada agensi yang bertanggungjawab (tetapi) tiba-tiba buat kenyataan 'nakkkan perlindungan'.

"Ini kerana dalam aspek pemberi maklumat selalunya orang tidak tahu siapa yang beri maklumat kita pada agensi sebab itu kita ada undang-undang memberikan mereka perlindungan.

"Itu antara agensi dengan mereka yang beri maklumat," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Kuala Lumpur On International Arbitration 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), M Kula Segaran dan Menteri Kehakiman Thailand, Tawee Sodsong.

Azalina berkata, beliau bersetuju dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang tidak akan melindungi individu yang terbabit dalam kes rasuah termasuk individu berkenaan yang mahu menjadi pemberi maklumat bagi pembongkaran kes rasuah.

"Saya rasa, kena tengok dari dua aspek, jika seseorang itu melakukan kesalahan memanglah Perdana Menteri cakap tiada perlindungan, itu betul," katanya.

Selain itu, katanya, sebagai contoh dalam mahkamah pendakwa raya mahu mendakwa lima hingga enam orang dan mungkin salah seorang akan jadi saksi pendakwa.

Katanya, perkara itu akan dibincangkan antara pendakwa dengan peguam dan kadang kala peguam akan membuat rundingan untuk kurangkan hukuman atau menjadi saksi pendakwa.

BERITA HARIAN  
Tarikh.....14..NOV...2024....

# Shah Alam, Klang sekali lagi dilanda banjir kilat

UM  
14/11

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL  
athir.ismail@mediamulla.com.my


**KLANG:** Hujan lebat luar biasa yang berlaku kelmarin dipercayai menjadi punca kepada beberapa kawasan dan jalan utama di sekitar Gombak, Damansara, Shah Alam dan Klang dilanda banjir kilat.

Curahan hujan itu dikatakan pada kadar kumulatif dua atau tiga hari hujan dalam masa sama mengakibatkan paras air meningkat kira-kira 0.6 meter dan menenggelamkan jalan-jalan utama sehingga menyebabkan kesesakan trafik lebih sejam.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Selangor, Mohd. Najwan Halimi berkata, pihak berkuasa sudah kenal pasti semua kawasan berisiko yang melakukan kerja-kerja pembinaan tebatan banjir.

"Baru-baru ini dalam peruntukan Belanjawan 2025 pun Kerajaan Persekutuan ada umumkan peruntukan untuk menangani banjir melibatkan kawasan di Kota Damansara.

"Tetapi, dari masa ke masa



**KAWASAN** berdekatan Stadium Shah Alam di Seksyen 13, Shah Alam yang dinaiki banjir kilat ekoran hujan lebat lebih tiga jam, kelmarin. - MEDIA SOSIAL

memang kerajaan negeri dengan kapasiti dan kemampuan yang sedia ada kita menggerakkan segenap upaya untuk menambah baik projek-projek tebatan dan mitigasi banjir.

"Pada masa sama kita hendak melengkapkan juga unit

pengurusan bencana negeri untuk sebarang kesiapsiagaan sekiranya berlaku sebarang musibah atau bencana. Cuma kita tak boleh ramal cuaca kini macam mana," katanya ketika ditemui pemberita selepas meninjau rumah pam di Taman

Mutiara Bukit Raja 2, semalam.

Tambahnya, antara faktor lain turut menyumbang kepada insiden banjir kilat semalam adalah fenomena air laut pasang besar yang berlaku pada minggu ini.

Isnin lalu, *Utusan Malaysia*

melaporkan jalan-jalan utama di sekitar bandar raya ini dan Klang dilanda banjir kilat susulan hujan lebat lebih tiga jam.

Antara kawasan terlibat termasuk Seksyen 13 berdekatan Stadium Shah Alam apabila paras air Sungai Damansara meningkat, selain turut dilanda banjir kilat di kawasan Setia Alam, Bukit Raja dan Meru dengan ketinggian sehingga 0.6 meter.

Mohd. Najwan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Anggerik berkata, projek kolam takungan banjir di Taman Mutiara Bukit Raja 2 di sini yang sepatutnya siap pada 28 Oktober lalu dilaporkan mengalami kelewatan dan dijangka siap pada 6 Mac 2025.

Kelewatan itu berlaku apabila tahap pembinaannya kini hanya mencapai 25 peratus susulan terdapat isu teknikal seperti semakan rekaan dan kapasiti pam yang merangkumi kadar pelepasan air bagi memastikan parit-parit di Jalan Haji Sirat mampu menampung aliran keluar dari kolam takungan itu.

UTUSAN MALAYSIA  
7 4 NOV 2024  
Tarikh: .....

## Kerajaan akui kos bina rumah mampu milik naik

UM  
14/11

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan mengakui berlaku kenaikan kos untuk membina rumah mampu milik (RMM) disebabkan peningkatan harga hartanah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Aiman Athirah berkata, KPKT akan mengimbangi antara keperluan menyediakan RMM dengan harga mampu milik tanpa mengene-pikan aspek kualiti rumah.

Beliau berkata, antara cabaran dalam sektor perumahan adalah peningkatan harga hartanah dan kekurangan RMM.

"Peningkatan harga rumah dipengaruhi pelbagai faktor

antaranya lokasi rumah yang strategik, kos pembinaan rumah, kos infrastruktur, kos tanah, kos pematuhan serta keuntungan pemaju.

"Manakala, kekurangan RMM adalah disebabkan oleh beberapa faktor antaranya kos pembinaan rumah yang semakin tinggi, isu projek RMM yang sakit dan terbengkalai serta kecenderungan pihak pemaju swasta untuk membayar levi, denda atau penalti berbanding menyediakan RMM.

"Dapatan ini adalah berdasarkan kajian oleh beberapa pihak dalam industri dan institusi penyelidikan," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

UTUSAN MALAYSIA  
Tarikh: 14 NOV 2024...



# Pengasuh pelaku jenayah tertinggi kes dera di Selangor

UM  
14/11

**SHAH ALAM:** Pengasuh dan penjaga menjadi pelaku jenayah tertinggi kes penderaan kanak-kanak di Selangor dalam tempoh 10 bulan pertama tahun ini.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, statistik terbaharu pihaknya merekodkan 387 kes terdiri daripada 139 kanak-kanak berusia 0 hingga satu tahun, dua hingga lima tahun (96) dan bakinya berusia sehingga 18 tahun.

"Daripada jumlah itu, seramai 89 suspek melibatkan pengasuh atau penjaga selain golongan ibu bapa, guru, jiran dan murid.

"Pemerhatian mendapati punca kanak-kanak menjadi mangsa penderaan kerana kecuaiannya dan pengabaian oleh pengasuh sehingga menyebabkan kecederaan," katanya selepas merasmikan Pusat Temuduga Kanak-Kanak (CIC) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Selangor, semalam.

Jelasnya, faktor sikap ibu

bapa sama ada kandung atau tiri turut menjadi punca berlakunya kes penderaan itu dan statistik polis mendapati kes penderaan kanak-kanak di negeri merekodkan sedikit peningkatan berbanding tahun sebelumnya.

"Namun, kenaikan itu didapati tidak begitu ketara dan tidak terlalu tinggi. Ia antaranya kerana faktor kepadatan jumlah penduduk yang ramai di Selangor berbanding negeri lain.

"Justeru, golongan itu perlu mempunyai kesedaran tinggi bagi mengelak berlakunya pengabaian penjagaan anak-anak mereka. Mereka seharusnya mengetahui faktor yang berisiko kepada kanak-kanak sekiranya didedahkan dalam keadaan bahaya," jelasnya.

Dalam pada itu, Hussein berkata, CIC kedua yang beroperasi sejak Mac lalu bertujuan menemu bual kanak-kanak yang terlibat dalam kes seperti penderaan, pengabaian dan seksual.

UTUSAN MALAYSIA  
7 4 NOV 2024  
Tarikh: .....

## Kerajaan tumpu guna AI kesan, tindak balas serangan siber

UM  
14/11

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan akan menumpukan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam keselamatan siber untuk mengesan serta bertindak balas terhadap serangan siber dan melindungi rangkaian kritikal.

Timbalan Menteri Pertahanan, Adly Zahari berkata, Kementerian sedang menjalankan kajian mendalam mengenai aplikasi teknologi AI dalam sektor pertahanan.

Beliau berkata, ia merupakan sebahagian daripada usaha strategik untuk merapatkan jurang keupayaan dalam aspek tersebut.

"Antaranya penggunaan AI dalam sistem persenjataan yang menumpukan kepada keupayaan teknologi AI dalam

meningkatkan ketepatan serangan sambil mengurangkan kerosakan sampingan semasa operasi ketenteraan.

"Selain itu, penggunaan AI dalam keselamatan siber yang menumpukan kepada penggunaan AI untuk mengesan, mencegah serta bertindak balas terhadap serangan siber bagi melindungi rangkaian kritikal.

"Penggunaan AI juga akan menumpukan pemrosesan dan analisis data bagi memproses data dari pelbagai sumber untuk mengenal pasti corak dan ancaman, lalu meningkatkan kesedaran situasi dan keupayaan pertahanan," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab Datuk Seri

Sh Mohmed Puzi Sh Ali (BN-Pekan) yang meminta Kementerian menyatakan kesediaan kerajaan untuk melaksanakan penggunaan teknologi AI yang menyeluruh dalam sektor ketenteraan bagi memperkukuh lagi keupayaan pertahanan Malaysia dan aspek ketenteraan pada masa kini.

Tambah Adly, memanfaatkan AI dalam membuat keputusan secara pantas adalah elemen penting dalam memperkukuhkan kawalan dan operasi ketenteraan.

Bagaimanapun beliau berkata, pembangunan infrastruktur AI yang kukuh dan selamat perlu diwujudkan terlebih dahulu bagi menyokong sistem pertahanan.

UTUSAN MALAYSIA  
Tarikh: .....14 NOV 2024.....

# Harga rumah teres dijangka naik hingga 5 peratus menjelang 2025

Um  
14/11

Oleh ZAKKINA WATI  
AHMAD TARMIZI  
zakkina.tarmizi@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Pakar industri hartanah menjangkakan kenaikan harga rumah teres sehingga lima peratus pada 2025 berdasarkan permintaan yang berterusan, menurut Irhamy Valuers International.

Penilai Berkanun dan Ketua Pegawai Eksekutif serta Pengasas Irhamy Valuers International, Irhamy Ahmad berkata, harga rumah teres akan mengatasi jenis rumah lain pada 2025, seperti yang berlaku pada 2023.

"Pertumbuhan sebanyak lima peratus menjelang akhir tahun depan menunjukkan prestasi yang lebih kukuh berbanding tahun lalu.

"Dalam tempoh 12 bulan sehingga suku kedua 2024, indeks harga rumah teres rasmi daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) hanya naik sebanyak 1.1 peratus. Walau bagaimanapun, pada 2023 secara keseluruhannya, harga rumah teres meningkat sebanyak 3.7 peratus," katanya dalam kenyataan.

Jelas beliau, secara amnya, rumah teres adalah antara jenis



**HARGA** rumah teres dijangka meningkat sehingga lima peratus menjelang tahun depan ekoran permintaan yang tinggi. - GAMBAR HIASAN

kediaman yang menunjukkan prestasi terbaik.

"Pada 2023, pertumbuhan harga rumah teres sebanyak 3.7 peratus adalah lebih tinggi berbanding jenis rumah lain pada tahun tersebut.

"Rumah pangsapuri merupakan prestasi kedua terbaik pada

2023 dengan pertumbuhan harga sebanyak 3.6 peratus, diikuti rumah berkembar (2.3 peratus) dan rumah terpisah (1.4 peratus)," katanya dalam kenyataan.

Dalam pada itu, secara jangka panjang, indeks harga rumah teres telah jauh mengatasi jenis

kediaman lain.

"Sejak 2010, indeks harga semua jenis rumah telah meningkat sebanyak 118.7 peratus. Indeks untuk rumah pangsapuri pula menunjukkan prestasi yang lebih baik, meningkat sebanyak 112.7 peratus.

"Tetapi harga rumah teres

melonjak lebih tinggi, dengan peningkatan sebanyak 144.4 peratus.

Rumah berkembar dan rumah terpisah mengalami pertumbuhan harga yang paling perlahan, masing-masing dengan kenaikan 191.8 dan 168.3 peratus.

"Semua pertumbuhan ini telah menjadikan harga purata rumah teres di Malaysia hari ini sebanyak RM453,343. Walaupun mencatatkan rekod prestasi pertumbuhan terbaik, rumah teres bukanlah jenis rumah yang paling mahal," katanya.

Selain itu, jenis rumah paling mahal ketika ini adalah rumah berkembar dengan harga purata RM718,599, diikuti rapat oleh rumah terpisah dengan harga purata RM643,387 dan rumah jenis pangsapuri pula mempunyai harga purata yang paling rendah, iaitu RM367,201.

Tambah Irhamy, rumah teres dua tingkat di sudut adalah jenis rumah teres yang paling diidamkan.

"Harga tertinggi bagi rumah teres lot sudut adalah di Taman Tun Dr. Ismail dan Bandar Utama. Lot sudut akan sentiasa menarik kerana ia sentiasa kekurangan bekalan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: .....1...4...NOV...2024...

# Ringgit terendah dalam tempoh tiga bulan

UM  
14/11

**PETALING JAYA:** Ringgit menjadi mata wang paling terkesan dalam kalangan negara Asia selatan jangkakan pertumbuhan ekonomi suku ketiga negara menyederhana.

Pada pukul 9 pagi semalam, ringgit menyusut kepada 4.4350/4460 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) daripada 4.4340/4400 ketika ditutup pada Selasa.

Mata wang tempatan kemudiannya terus meleset apabila ditutup pada 4.4500/4580.

Ringgit jatuh sehingga 0.3 peratus dan menghampiri paras terendah dalam tempoh tiga bulan berbanding dolar AS.

Bursa saham juga mencatat kemerosotan sehingga 0.4 peratus.

Menurut tinjauan pendapat

pakar ekonomi oleh Reuters, pertumbuhan ekonomi Malaysia berkemungkinan perlahan, walaupun secara sederhana pada suku ketiga berbanding tahun sebelumnya.

"Ini disokong oleh penggunaan swasta dan aktiviti pembinaan kukuh yang mengimbangi kesan daripada penurunan pengeluaran perlombongan," katanya.

Dengan dolar AS kekal kukuh berhampiran paras tertinggi dalam tempoh lebih enam bulan dengan kebimbangan terhadap tarif lebih tinggi yang ditekankan oleh Presiden AS yang baharu, Donald Trump terhadap import, menyaksikan ringgit kekal terendah kepada penyusutan.

Di negara lain rantau ini, dolar Singapura didagangkan keban-

yakannya stabil, manakala baht Thailand meningkat 0.4 peratus dan peso Filipina mengukuh 0.1 peratus.

Penganalisis ekonomi, Prof. Dr. Barjoyai Bardai berkata, kadar pertukaran ringgit dipengaruhi oleh banyak faktor, terutama kecairan dalam pasaran dan urusan niaga pertukaran asing.

"Kita melihat pasaran saham negara juga semakin lemah, dan jika ini berterusan, ia akan memberi kesan besar kepada kadar pertukaran," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jelasnya, aliran penurunan mata wang tempatan itu memang telah bermula sejak 30 September lalu, dari kadar 4.12 sebelum ini hingga 4.61, disebabkan pengukuhan AS dolar.

"Pengukuhan ini adalah kesan

daripada keputusan pilihan raya Amerika Syarikat yang memilih Donald Trump sebagai presiden, yang seterusnya meningkatkan pasaran saham dan kadar pertukaran mereka.

"Di samping itu, penurunan kadar faedah baru-baru ini memberikan sedikit kelegaan kepada peniaga dan pelabur, dan trend ini dijangka berterusan.

"Bagaimanapun, penurunan kadar faedah oleh Federal Reserve akan membantu mengukuhkan nilai ringgit berbanding USD melalui teori pariti kadar faedah. Namun, sentimen kadar faedah itu tidak cukup kuat untuk menyaingi impak kemenangan pilihan raya Donald Trump," katanya.

Barjoyai berkata, beliau menjangkakan ringgit akan terus

lemah dalam masa terdekat.

"Walaupun belum pasti seberapa besar penurunan yang akan berlaku, harapnya ia tidak mencecah paras terendah pada April iaitu 4.79.

"Pada masa ini, kadar pertukaran berada di sekitar 4.46, tetapi situasi masih tidak menentu dan boleh menyebabkan ringgit terus melemah," katanya.

Sementara itu, Dalam pada itu, Bank Islam Malaysia Bhd. dalam nota penyelidikannya berpandangan bahawa ringgit dijangka didagangkan dengan berhati-hati menjelang pengumuman Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku ketiga Malaysia yang diumumkan pada Jumaat, serta data inflasi utama AS.

UTUSAN MALAYSIA  
Tarikh: 14 NOV 2024

WHISTLEBLOWER PROTECTION ACT 2010

# WHISTLEBLOWERS MUST REPORT TO MACC

They are protected by the law provided they report through official channels, says Azalina

LUQMAN HAKIM AND  
AMISHA SYAHIRA  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**W**HISTLEBLOWERS must provide critical information directly to the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) to receive protection under the Whistleblower Protection Act 2010.

Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said said this when addressing concerns about the protection of whistleblowers.

She said that while Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim had vowed not to shield those involved in corruption, whistleblowers themselves are protected by the law, provided they report through official channels.

However, she clarified that disclosure to the media or other unofficial channels does not qualify for legal protection under the act.

"There is a dedicated act for whistleblowers. If someone believes an offence has been committed, they must report it to the appropriate agency, such as the MACC for corruption cases.

"This procedure must be followed. One cannot simply request protection without reporting to a responsible agency," she told reporters after attending the KL Forum on International Arbitration 2024 launch ceremony.

Azalina added that the legal process protects whistleblowers, enabling their testimony if necessary while ensuring their anonymity.

She said that in certain court cases, one individual among a group may act as a prosecution witness, often as part of an agreement to receive a reduced sentence.

"This confidentiality exists between the agency and the whistleblower."

Citing Section 19 of the Sexual Offences Against Children Act, Azalina said similar requirements mandate reporting when someone is aware of abuse.

"If someone is aware of abuse but decides not to report it, or even encourages it, action will be taken. The same applies to corruption under the MACC Act.

"The Whistleblower Protection Act has clear guidelines and limitations. It's structured to protect whistleblowers who follow legal channels. This is a legal answer."

The MACC, on Saturday, had urged the person with video recordings of assemblymen of a certain state discussing bribes to file an official complaint with the agency.



Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said (centre) launching the KL Forum on International Arbitration 2024 at the Kuala Lumpur Convention Centre, yesterday. With her are (from left) Prime Minister's Department Legal Affairs Division director-general Datuk Zamri Misman, Thailand's Minister of Justice Tawee Sodsong, Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) M. Kulasegaran and Solicitor-General of Malaysia Datuk Almalena Sharmila Johan (right). BERNAMA PIC

Its chief commissioner, Tan Sri Azam Baki, had said the agency could offer protection under the Whistleblower Protection Act 2010, but the individual would have to come forward and follow due procedures.

It was reported, however, that the individual has refused to go to the MACC unless he is guaranteed protection.

In Kota Kinabalu, Sabah Umno has denied accusations that it is behind the allegations of corruption among state government leaders.

Umno Beaufort division chief Datuk Awang Aslee Lakat said it was unfair to associate the party with the issue, especially by

labelling it as the orchestrator.

He said the matter should be left to MACC to investigate if a report is lodged.

Meanwhile, a Pas nominated assemblyman, Datuk Dr Aliakbar Gulasan, has stressed that both the giver and receiver of bribes must be punished.

"Corruption is a great calamity for humanity. It can cause widespread harm and act like a dangerous cancer within the administrative system," he said in a statement.

Aliakbar, however, did not mention the claims regarding the allegedly corrupt assemblymen. **Additional reporting by Olivia Miwil and Izwan Abdullah**

NEW STRAITS TIMES  
Tarikh: 14 NOV 2024

## Move to promote proper language use among public

**KUALA LUMPUR:** Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) has appointed three social media influencers as language icons to promote the use of proper language among the public.

Its director-general Dr Hazami Jahari said among those appointed was Dr Malar Santhi Santherasegapan, a doctor serving in the Emergency Department at Columbia Asia Hospital in Cheras, Selangor.

"The appointment of these icons shows DBP wants to keep pace with current developments as language can no longer be disseminated in the traditional way.

"We have to move in a new way, but we also need to guide and train them (the public). Insya-Allah, if there is a need, we will also hold a special session with media friends to provide the fundamentals of proper language use, as the media has a strong influence on language development," he said when met at the 2024 DBP Media Night at Wisma DBP on Tuesday.

Hazami added that with social media becoming a preferred means of communication, DBP is committed to actively utilising it to showcase examples of proper language use and quality content. - Bernama

THE SUN

Tarikh: 14 NOV 2024